



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN / 4 FEBRUARI 2019

- 1. TINGKAT HASIL TANAMAN HINGGA 30 PERATUS**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 2. PM SARAN PETANI PELBAGAIKAN TANAMAN**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 3. TANAMAN KONTAN JANA PENDAPATAN BERTERUSAN : PM**
 - **BERITA HARIAN**

- 4. PAWAH KELULUT BERHASIL**
 - **HARIAN METRO**

DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

“Peningkatan kadar fotosintesis itu sekali gus menggalakkan pertumbuhan tanaman, meningkatkan tempoh tuai dan meningkatkan hasilnya.



DR. SURAYA ABDUL RASHID menyembur Harvest pada daun tanaman.

DR. SURAYA menyembur Harvest pada daun pokok cil.

Tingkat hasil tanaman hingga 30 peratus

KEJAYAAN penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) menghasilkan penggalak fotosintesis (photosynthesis enhancer) menggunakan teknologi carbon dots (titik karbon) yang boleh meningkatkan hasil tuai tanaman antara 20 dan 30 peratus membawa khabar gembira kepada pengguna pertanian. Melalui inovasi itu, kadar fotosintesis meningkat antara 20 hingga 80 peratus bergantung kepada jenis tanaman, apabila keros pulpa karbon pulpa kira-kira 90 peratus lebih rendah daripada menggunakan kaedah konvensional. Peningkatan kadar fotosintesis itu sekali gus menggalakkan pertumbuhan tanaman, meningkatkan tempoh tuai dan meningkatkan hasilnya. Ketua kumpulan penyelidik berkenaan, Prof. Madya Dr. Suraya Abdul Rashid berkata, produk yang diberi nama Harvest itu menggunakan titik karbon yang mempunyai saiz zarah kurang daripada 10 nano



PRODUK Harvest menerima beberapa pengiktirafan.

metre (nm). “Apabila Harvest yang dalam bentuk cecair ini disembur pada daun, saiz zarahnya yang sangat kecil membolehkan ia memasuki daun sehingga ke kloroplast.

mendak,” katanya. Dr. Suraya yang juga Ketua Laboratori Makmal Pemprosesan dan Teknologi Bahan, Institut Teknologi Maju (ITMA) UPM berkata, titik karbon tergolong dalam kelompok bahan (material) nano yang bahan asasnya adalah karbon. Menurutnya, teknologi yang dihasilkan itu lebih merumpukan kepada peningkatan kadar fotosintesis yang dapat memberikan pulangan hasil tuai yang lebih baik, berbanding penggalak tanaman yang berada di pasaran yang lebih memfokuskan kepada keperluan nutrien dan pertumbuhan akar pokok. Katanya, peningkatan kadar fotosintesis itu juga membolehkan pengurangan penggunaan cahaya dan pengurangan penggunaan air semasa proses fotosintesis. Ini adalah satu bentuk teknologi pertanian masa depan iaitu pertanian tertutup (indoor and vertical farming) boleh dihasilkan kerana proses fotosintesis boleh berlaku dalam keadaan cahaya yang malap seperti dalam rumah dengan menggunakan lampu biasa,” katanya. Beliau juga berkata, penggalak fotosintesis Harvest itu boleh digunakan untuk semua jenis tumbuhan kecuali pokok yang dikategorikan sebagai C4 iaitu jagung dan tebu kerana cara fotosintesis pokok berkenaan berbeza berbanding pokok C3 seperti sayur-sayuran dan buah-buahan termasuk durian. Katanya, Harvest hanya perlu disembur pada daun tumbuhan seminggu atau dua minggu sekali bergantung kepada jenis pokok. “Oleh kerana ia adalah karbon iaitu bahan organik, dan kaedah penghasilannya yang tidak menggunakan sebarang bahan kimia berbahaya, maka hasil tanaman selamat dimakan,” katanya. Menurutnya, titik karbon dihasilkan menggunakan biochar (arang bio) yang dihasilkan dan dimasukkan ke dalam air antara 200 dan 300 darjah Celsius. titik karbon akan bercahaya apabila didedahkan

kepada cahaya ultra violet (UV). Menurutnya, kajian terhadap penggalak fotosintesis itu dimulakan pada 2015 dan telah diuji ke atas sayur-sayuran, cili dan pokok padi di Fakulti Pertanian UPM. Teknologi itu dipatenkan pada 2016 dan kini usaha membangunkannya menerusi peningkatan skala (scale-up) sedang dijalankan menerusi program InnoHub, Putra Science Park UPM. “Menerusi Harvest ini, hasil tanaman menjadi lebih baik, penggunaan air lebih efisien, mengurangkan penggunaan cahaya semasa fotosintesis dan lebih banyak karbon dioksida diserap oleh tumbuhan, manakala teknologinya adalah teknologi hijau,” katanya. Selain itu, titik karbon juga boleh digunakan dalam sektor tenaga seperti sel solar dan superkapasitor serta pelbagai sistem sensor (pendeteksi). Sifatnya yang istimewa dari segi elektrik dan optikal membantu dalam proses pertukaran elektron yang secara tidak langsung menjadikan sesuatu proses lebih efektif. Ahli-ahli lain dalam kumpulan penyelidik itu ialah penyelidik bersama Dr. Muhammad Nazmin Yaqar daripada Fakulti Pertanian, Dr. Tan Tong Ling daripada ITMA, dan penganjur projek InnoHub, Muhammad Zhafr Abdul Razak. Harvest memenangi pingat emas pada Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi (PRFI) 2016, perak pada Pameran Teknologi, Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2017 dan gangsa pada Pertandingan dan Ekspo Antarabangsa Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi (Pecipta) 2017.



TANAMAN kelihatan subur dengan penggunaan teknologi Harvest.

PM saran petani pelbagaikan tanaman

KUALA LUMPUR 3 Feb. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menyarankan para petani di negara ini mempelbagaikan tanaman mereka dan tidak tertumpu kepada satu-satu tanaman sahaja seperti kelapa sawit atau getah.

Perdana Menteri berkata, kepelbagaian itu penting bagi mengelakkan petani daripada terperangkap dengan masalah kejatuhan harga komoditi di pasaran dunia.

“Tapi kalau kita tanam kelapa sawit, hari ini harga jatuh kita

akan menangis. Tapi kalau kita ada kelapa sawit dan satu bahagian kita tanam tanaman yang boleh beri pulangan seharian maka kita tidak akan terperangkap dengan kejatuhan harga kelapa sawit ataupun getah.



MAHATHIR MOHAMAD

“Jangan kita pegang kepada satu jenis (tanaman) sahaja kerana kalau jatuh harga kita akan hadapi masalah,” katanya dalam rakaman video yang dimuat naik dalam Facebook rasmi beliau selepas melawat beberapa kebun pertanian di

Selangor, hari ini.

Tambah Dr. Mahathir, walaupun cara pertanian baharu itu nampak menarik namun memerlukan disiplin, ilmu dan semangat yang tinggi dalam diri seseorang pengusaha.

Ujarnya, cara pertanian seperti itu juga bagus kerana semua usaha dijalankan dengan usaha sendiri dan tidak memerlukan bantuan tenaga kerja asing.

“Kalau kita mempunyai kesungguhan, kita akan berjaya. Tetapi kalau kita buat ini secara sambilan ditanam di belakang rumah ini tidak akan menjadi.

“Jadi kita kena tukar cara kita dan kita akan berjaya sebagai seorang peladang moden,” katanya.

KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 4 FEBRUARI 2019

PERKARA : PERTANIAN

Tanaman kontan jana pendapatan berterusan: PM

➔ Peladang boleh dapat pulangan harian, tidak terjejas krisis kejatuhan harga sawit, kelapa

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, krisis kejatuhan harga sawit dan getah yang memberi tekanan kepada peladang, dapat diatasi dengan tanaman kontan di ladang masing-masing.

Perdana Menteri berkata, tanaman yang boleh memberi pulangan seharian itu, membolehkan peladang terus memperoleh pendapatan, sekali gus tidak terjejas teruk dengan kejatuhan harga sawit dan getah.

Katanya, tanaman seumpamanya tidak memerlukan kawasan luas, namun perlu dilaksanakan secara serius dengan kaedah pertanian moden yang dibuat secara teratur dan tersusun.

Syor perladangan campuran

"Hari ini apabila harga sawit jatuh, kita akan menangis, tetapi jika satu bahagian dalam ladang kelapa sawit diusahakan tanaman kontan yang boleh memberi pulangan seharian, kita tidak akan terperangkap dengan kejatuhan harga kelapa sawit atau getah.

"Jika ada tanah, kita perlu ada perladangan campuran, jangan pegang pada satu jenis (tanaman)



(GAMBAR IHSAN FACEBOOK DR MAHATHIR MOHAMAD)

Dr Mahathir meluangkan masa bersama petani muda ketika melawat beberapa kebun pertanian moden di sekitar Selangor, semalam.

saja kerana apabila harga jatuh, kita akan hadapi masalah.

"Ada pelbagai jenis tanaman kontan seperti timun, cili, dan tomat. Jika giliran tanaman ini mengikut keperluan pasaran, kita tidak akan putus pendapatan hanya kerana harga satu jenis tanaman yang kita monopoli jatuh," katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu video yang dimuat naik di Facebook rasminya semalam, ketika melawat beberapa kebun pertanian moden di sekitar Selangor, semalam.

Antara kebun pertanian dikunjungi Perdana Menteri ialah Taman Kekal Pengeluaran Makanan

(TKPM) Jalan Kebun, Klang; Taman Agro-Fertigasi, Kajang dan TKPM Bukit Changgang (Tanaman Orkid), Banting.

Dengar luahan petani muda

Dr Mahathir turut meluangkan masa bersama beberapa petani muda bagi mendengar sendiri perkongsian pengalaman, luahan dan cabaran dihadapi mereka, selain melahirkan kekaguman melihat tanaman sayur-sayuran dibuat secara teratur serta tersusun menggunakan kaedah moden dibangunkan anak tempatan.

Perdana Menteri berkata, kaedah pertanian itu memerlukan anak muda yang terlatih dan ber-

disiplin, selain menekankan aspek disiplin sebagai kunci untuk maju.

Beliau berkata, peladang juga perlu mengurangkan bergantung kepada pekerja, khususnya warga asing, sebaliknya melakukan sendiri tugas di ladang, melainkan ada keperluan mengupah pekerja.

"Seboleh-sebolehnya kita sendiri tunjuk kehairahan kepada kerja dan kita akan berjaya, tetapi jika buat ini secara sambilan, tanam di belakang rumah, ini tak jadi.

"Kita kena tukar cara dan kita akan berjaya sebagai peladang moden, *gentleman farmers*, itulah hasrat kita," katanya.

BH 4.2.19

RM800 >> Harga sarang kelulut dijual mengikut saiz dan spesies

Nanas jambul lebat laris sempena Tahun Baharu Cina

Kuantan: "Saya tidak berniat untuk menjual nanas jenis Mito (M2) yang mempunyai jambul lebat daripada satu kepada masyarakat Cina bagi tujuan keagamaan sempena Tahun Baharu Cina.

"Ia berlaku secara kebetulan sempena program Jalan Teres Dari Ladang (JTDL) di Kawasan Pasir di sini yang membolehkan hasil pertanian usahawan setempat," kata usahawan, Mada Mohd Idris Ismail, 32.

Memoranda, memaparkan Cina yang membeli nanas di gerai mereka mereka perlu menyediakan beberapa pa bali nanas yang mempunyai jambul lebat bagi spakara keagamaan terutama sempena Tahun Baharu Cina, Selasa ini.

Katanya, sambutan terhadap buah berkenaan begitu mengagalkan hingga memerlukan dia membuat sembahungan daripada pakuhan di persekitaran nanas. "berkelompok di 'Sungai Miang, Pukan."

"Saya menjual nanas jenis ini yang mempunyai jambul lebat daripada satu dengan harga antara RM5.50 hingga RM6 sekilogram (kg) sama dengan nanas normal lain, harga yang berapuan membolehkan jualan saya mendapat sambutan."

"Dalam masa seminggu program JTDL, anjuran Lembaga Perikanan (FAMA) Pahang saya mampu memasarkan lebih 200 nanas dan jumlahnya diumpukan bertumbuh dua hingga tiga kali ganda menjelang Tahun Baharu Cina," katanya, di sini, semasa ini.

Beliau menambah, seorang penganjur membeli antara tiga hingga enam biji nanas dan ada dalam kalangan mereka berjanji untuk datang sendiri bagi mendapatkan buah yang lebih segar beberapa hari sebelum sambutan Tahun Baharu Cina.

Mada Idris berkata, dia tidak berniat mengabdikan peluang menjual nanas kerana walaupun boleh berhadapan dengan permintaan terhadap produk berkenaan begitu mengagalkan.

Dia yang berpengalaman lebih tujuh tahun sebagai usahawan buah-buahan tempatan berkata, penganjur program JTDL yang baru diperkenalkan FAMA memberi peluang kepadanya memasarkan hasil pertanian ni beberapa pusat beli-beli di negeri ini.

"Tanda program JTDL, masalah saya dapat memasarkan nanas jambul lebat daripada satu kepada masyarakat Cina, meski saya kini bertumbuh dua hingga tiga kali ganda berbanding sebelum ini," katanya.

Sistem diperkenalkan awal tahun lalu beri peluang tambah pendapatan hasil jualan madu

Mada Rafi Manan
arif@metro.com.my

Jerantau

Sistem pawah sarang kelulut yang mula diperkenalkan awal tahun lalu memberi peluang kepada petani memulakan perolehan madu industri sehingga bilangan individu yang terlibat dengan sistem berkenaan.

Pengasasnya Nurizah Mohd Noor, 32, sambutan terhadap sistem pawah sarang kelulut yang pertama kali diperkenalkan di negeri ini mendapat sambutan mengagalkan.

Katanya, sebelum ini orang ramai lebih mengutamakan sistem pawah membabitkan binatang ternakan seperti lebah dan koyan sahaja tidak membabitkan sarang kelulut yang menghasilkan madu.

Beliau yang memperkenalkan sistem berkenaan berkata, kini setiap lebat 50 sarang kelulut milik individu dan kooperatif dipaparkan kepadanya sejak setahun lalu yang ditempatkan dalam kawasan ladang sawi di Kampung Paya Gunung di sini.

"Setiap sarang kelulut yang dipaparkan kepada saya ditanda dengan nama masing-masing bagi mengelak berkawalan selain memberi lebih keselesaan kepada pemilik, mereka melihat sendiri membuat perolehan."

Pemilik boleh datang melihat sarang kelulut mereka pada bila-bila masa dan mereka juga diberi peluang untuk memungut hasil madu sekiranya berminat," katanya di sini, semalam.

Nurizah yang dibantu suami Muhammad Didi Mat Said, 36, berkata, lina secara kelulutan yang dikenali secara komersial di negara ini seperti scapoterogano dan Larexper.

Katanya, mengikuti pelajaran dengan pemilik, hasil madu dibahagi dua dan kesemua



SARANG kelulut yang diletakkan di Kampung Paya Gunung menggunakan sistem pawah dalam mengumpul dan menjual hasil madu.

ANUM 01

SARANG kelulut diletakkan nama pemilik bagi mengikut bersempai.

"Pemilik boleh datang melihat sarang pada bila-bila masa dan mereka juga amat mengagalkan hasil madu sekiranya Nurizah"



NURIZAH memaparkan madu ketika para dia dibawakan untuk pameran komuniti.

sarang dan spesies.

Dia berkata dia cahaya mata itu berlaku, perolehan tinggi terhadap madu lebat memberi peluang terhadap perolehan sahaja berkenaan yang mana terdapat banyak khazanah madu kelulut yang boleh digunakan dalam perubatan.

Dia yang mengagalkan jualan dan Kesatuan Pertanian Malaysia (MARDI) menawarkan lagi perolehan yang diusahakan.

"Saya akan mengagalkan perolehan produk betanaskan madu lebat dalam masa terdekat selepas mencatat nilai keberanian daripada agensi berkenaan," katanya.